

MOT BULETIN

Edisi 9



Kementerian Pengangkutan dan JPJ serius dalam mengetatkan peraturan jalan raya

Selaras dengan pengumuman YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia pada bulan Ogos 2018 berhubung isu pengawasan kameran AES atau AwAS, bermula pada 1 September yang lalu, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia telah mengambil alih sepenuhnya pengoperasian, pembangunan, penyelenggaraan dan penguatkuasaan sistem tersebut. Sehubungan dengan itu juga, penggunaan system mata demerit KEJARA juga telah mula dilaksanakan bersekali dengan pengoperasian system AES / AwAS ini.

Pada 3 September 2018, YB Menteri Pengangkutan telah meluangkan masa untuk melihat sendiri dan mendapatkan taklimat serta penerangan terperinci berhubung pengoperasian system berkenaan di pusat kawalan AES yang bertempat di Ara Damansara, Selangor. Dalam lawatan tersebut, YB Menteri telah diberikan lawatan menyeluruh dan di bawa melalui setiap fasa sistem kawalan penguatkuasaan AES ini.

YB Menteri dalam hal ini sekali lagi mengingatkan semua pengguna jalan raya untuk mematuhi semua peraturan jalan raya dan memaklumkan bahawa kerajaan kini serius dalam menguatkuasakan peraturan jalan raya tersebut tanpa kompromi bagi menjamin keselamatan semua pemandu dan pengguna jalan raya.



#Info Psikologi

Segelintir yang mengimpikan kejayaan, sementara yang lain bekerja keras untuk mencapai kejayaan

Lawatan ke Sabah, Sarawak dan Labuan



Bersempena dengan sambutan Hari Malaysia 2018 pada 16 September yang lalu di Sabah, YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan bersama-sama pengurusan tertinggi MOT telah mengambil kesempatan tersebut untuk mengadakan siri courtesy call kepada YAB Ketua Menteri Sabah dan Sarawak serta mengadakan lawatan ke jabatan dan agensi di bawah selian MOT di sana. Pelbagai perkara dan isu telah dibincangkan bagi tujuan penambahbaikan dan hala tuju bagi semua jabatan dan agensi terbabit.



Pegawai perhubungan awam MOT dirai di Utusan



Pada 20 September yang lalu seramai 30 pegawai perhubungan awam Kementerian Pengangkutan, jabatan serta agensi dibawah seliannya telah melawat syarikat Utusan Melayu (di ibu pejabat syarikat akhbar tersebut di Kuala Lumpur).

Rombongan tersebut telah disambut oleh Penolong Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, YBhg. Datuk Mohd. Hassan Mohd. Noor; Pengarah Eksekutif Sibermedia Sdn. Bhd., Ainol Amriz Ismail, Pengurus Besar Komunikasi Korporat, Jamal Ahmed, Pengarang Kanan Media Baharu Utusan Malaysia, Aznan Bakar dan Ketua Meja Kota, Roslah Othman.

Para pegawai telah diberikan taklimat mengenai penawaran kursus-kursus pembuatan dan pengurusan media siber dan digital selain melihat operasi harian dan penghasilan akhbar Utusan Malaysia dan Kosmo!.

Lawatan ini yang merupakan salah satu aktiviti tetap UKK MOT diadakan bagi melihat operasi Utusan Melayu dengan lebih dekat ekoran Utusan Malaysia merupakan sebuah akhbar utama dalam menyebarkan maklumat-maklumat kepada rakyat. Selain itu, ianya adalah satu platform bagi semua pegawai perhubungan awam menjalin hubungan kerja yang lebih baik dengan pihak media.